

PERLINDUNGAN

SECURE SHIELD

Dapatkan perlindungan anda untuk hari ini dan masa hadapan



Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



Walau apa pun keadaan kehidupan anda, ia adalah penting untuk anda melindungi diri anda dan orang yang tersayang dalam mengekalkan kewangan yang stabil sekiranya keadaan tidak diduga berlaku kepada anda.

Memperkenalkan **Secure Shield**, pelan insurans yang direka khas yang memberi jaminan perlindungan dengan premium yang dijamin. Anda tidak perlu risau tentang ketidakpastian inflasi masa depan yang mungkin akan menaikkan premium anda. Kami memberi jaminan bahawa premium anda kekal sama sepanjang tempoh polisi!

Selain daripada perlindungan kematian akibat pelbagai sebab, **Secure Shield** memberikan perlindungan berganda sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan. Selain itu, ia menawarkan manfaat istimewa tidak seperti yang lain - perlindungan tambahan untuk Kematian akibat Kesan Sampingan Vaksinasi dan Kematian semasa Penghospitalan di Wad Pengasingan.

Kami tidak hanya fokus pada perlindungan terhadap kecelakaan besar dalam kehidupan, **Secure Shield** juga melindungi anda daripada masalah kecil seperti dimasukkan ke hospital akibat kemalangan, dengan memberi anda elaun harian untuk menampung perbelanjaan hidup harian anda, supaya anda dapat fokus pada pemulihan kesihatan anda.

Daftar **Secure Shield sekarang! Nikmati pendaftaran yang mudah, tanpa perlu menjalani pemeriksaan perubatan.**



Manfaat Sepintas Lalu



Perlindungan Kematian sehingga umur 80 tahun



Perlindungan berganda untuk Kematian Akibat Kemalangan



Manfaat istimewa untuk Kematian akibat Kesan Sampingan Vaksinasi & semasa Penghospitalan di Wad Pengasingan



Elaun RM50 setiap hari untuk penghospitalan akibat kemalangan



Manfaat Matang pada umur 80 tahun



Pendaftaran yang mudah tanpa pengunderaitan perubatan



Premium Terjamin

Penerangan Manfaat

1. Pendaftaran yang mudah tanpa pengunderaitan perubatan

Anda boleh mendapatkan perlindungan dengan Secure Shield tanpa mengambil kira keadaan kesihatan anda dengan proses pendaftaran yang mudah, tanpa melalui pemeriksaan perubatan dan soal selidik perubatan.

2. Perlindungan Kematian

Keluarga Anda akan menerima Manfaat Kematian sekiranya kejadian tidak diduga berlaku kepada anda:

Tahun Polisi	Kematian Berlaku	Manfaat Kematian yang Dibayar
1 dan 2	Bukan Akibat Kemalangan	Jumlah Premium yang Dibayar
	Akibat Kemalangan	Yang mana paling tinggi: i) Jumlah Asas Diinsurankan; ii) Jumlah Premium yang Dibayar; atau iii) Nilai Tunai Terjamin
3 dan seterusnya	Semua Akibat	Yang mana paling tinggi: i) Jumlah Asas Diinsurankan; ii) Jumlah Premium yang Dibayar; atau iii) Nilai Tunai Terjamin

3. Perlindungan Kematian Tambahan

Manfaat berikut akan dibayar sebagai tambahan ke atas Manfaat Kematian:

Kematian	Manfaat yang Dibayar
Akibat kemalangan ¹	200% daripada Jumlah Asas Diinsurankan
Akibat kesan sampingan vaksinasi ²	20% daripada Jumlah Asas Diinsurankan
Berlaku semasa penghospitalan di wad pengasingan ³	20% daripada Jumlah Asas Diinsurankan

4. Elaun Harian Penghospitalan akibat Kemalangan

Memberi RM50 elaun harian sekiranya anda dimasukkan ke hospital akibat kemalangan⁴, sehingga 30 hari setiap tahun polisi atau sehingga penamatan polisi anda, yang mana terdahulu.

5. Manfaat Matang

Raikan kematangan polisi anda pada umur 80 tahun dengan pembayaran 80% daripada jumlah premium yang dibayar⁵ ditolak sebarang keberhutangan.

6. Premium Terjamin

Dengan Secure Shield, bukan sahaja anda dapat menikmati manfaat yang terjamin, kami juga memberi jaminan bahawa premium anda kekal sama sepanjang tempoh polisi.

¹ Kemalangan mesti berlaku sebelum umur 75 tahun, dan tertakluk kepada RM1,000,000 setiap hayat.

² Kematian akibat kesan sampingan atau komplikasi yang timbul dari vaksinasi penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin dikehendaki oleh undang-undang. Kesan sampingan atau komplikasi mestilah timbul dalam tempoh 30 hari dari tarikh vaksinasi.

³ Sekiranya kematian berlaku semasa penghospitalan di wad pengasingan, penempatan di wad pengasingan mestilah kuarantin yang dikehendaki oleh undang-undang atau ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, Malaysia.

⁴ Kemalangan mesti berlaku sebelum umur 75 tahun, dan apabila dimasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam untuk tempoh minimum 6 jam berterusan dan dalam masa 24 jam dari tarikh kemalangan.

⁵ Dengan syarat bahawa polisi masih berkuat kuasa, orang yang diinsurankan masih hidup pada Tarikh Matang, dan semua premium dibayar sehingga kini.



Bagaimana Ia Berfungsi?

Samuel berumur 55 tahun adalah lelaki yang tidak merokok.

Dia adalah pencari nafkah tunggal dan membeli **Secure Shield**.

Samuel membayar premium tahunan **RM9,040** untuk **Secure Shield** dengan **RM100,000** Jumlah Diinsuranskan.

Samuel dilindungi dengan:



Manfaat Kematian:

RM100,000⁶



Manfaat Kematian akibat Kemalangan:

Bayaran tambahan sebanyak RM200,000



Manfaat Kematian akibat Kesan Sampingan Vaksinasi:

Bayaran tambahan sebanyak RM20,000



Kematian Berlaku Semasa Penghospitalan di Wad Pengasingan:

Bayaran tambahan sebanyak RM20,000



Elaun Harian Penghospitalan akibat Kemalangan:

RM50 sehari, sehingga RM1,500 setiap tahun polisi

Samuel juga diberikan:



Manfaat Matang:

RM180,800 pada umur 80 tahun

Nota:

Contoh di atas hanya untuk tujuan ilustrasi. Tertakluk kepada terma dan syarat.

⁶ Kematian dianggap berlaku selepas tahun polisi ke-3 dan jumlah tertinggi yang dibayar ialah Jumlah Asas Diinsuranskan.

Soalan Kerap Ditanya

1. Siapakah yang boleh diinsuranskan di bawah Secure Shield?

Sesiapa yang berumur antara 30 tahun dan 70 tahun (umur hari lahir terakhir).

2. Berapa lamakah tempoh perlindungan ini?

Secure Shield melindungi anda sehingga umur 80 tahun.

3. Berapa lamakah saya perlu membayar premium?

Premium perlu dibayar sepanjang tempoh pelan. Anda boleh membayar premium secara bulanan, suku tahun, separuh tahun atau tahunan.

4. Adakah premium yang dibayar terjamin?

Premium adalah tetap dan terjamin sepanjang tempoh bayaran premium polisi anda.

5. Bolehkah saya menyerahkan polisi saya?

Ya, anda boleh menyerahkan polisi anda. Apabila diserahkan, anda akan menerima Nilai Tunai Terjamin, ditolak sebarang keberhutangan. Walau bagaimanapun, ia mungkin tidak menguntungkan anda jika anda menyerahkan polisi anda, anda mungkin mendapat kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar.

6. Bagaimanakah cara membuat tuntutan?

Hubungi kami di 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121 dari hari Isnin hingga Jumaat antara 8:45 pagi hingga 5:00 petang (kecuali cuti umum). Kami akan berusaha untuk menjadikan proses semudah mungkin untuk anda.

Nota Penting

Kami percaya bahawa adalah penting untuk anda meneliti dan memahami sepenuhnya kesemua manfaat dan caj di bawah pelan anda.

1. Pelan insurans ini diunderait oleh Generali Life Insurance Malaysia Berhad 200601003992 (723739-W) ("Kami"), syarikat berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
2. Secure Shield ialah pelan insurans tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan kematian sehingga umur 80 tahun. Manfaat tambahan akan dibayar jika kematian adalah akibat kemalangan (sebelum umur 75 tahun), kesan sampingan vaksinasi atau semasa penghospitalan di wad pengasingan. Pelan ini juga memberi elaun harian penghospitalan akibat kemalangan (sebelum umur 75 tahun).
3. Anda seharusnya mendapatkan dan mengkaji ilustrasi jualan berkenaan polisi anda.
4. Anda hendaklah berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang mampu anda bayar.
5. Pelan ini tidak mempunyai Nilai Tunai Terjamin apabila diserahkan melainkan pada Tahun Polisi ke-3 dan seterusnya, dan premium dibayar sehingga kini.
6. Anda diberi tempoh tangguh 31 hari selepas tarikh akhir bagi membuat bayaran premium anda. Polisi ini akan terus berkuat kuasa dalam tempoh tangguh ini. Sekiranya premium anda masih belum dibayar selepas tempoh tangguh, Nilai Tunai Terjamin anda (jika ada) akan digunakan untuk membayar premium masa depan melalui pinjaman premium automatik. Sekiranya Nilai Tunai Terjamin tidak mencukupi untuk membayar premium tunggakan atau sebarang keperluan, polisi anda akan berhenti berkuat kuasa.
7. Jika anda tidak berpuas hati dengan polisi ini, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memulangkan polisi dalam tempoh 15 hari dari tarikh kontrak polisi diterima dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat. Kami akan memulangkan sebarang premium yang telah dibayar serta merta selepas permintaan pembatalan diterima oleh Kami ditolak sebarang keperluan.
8. Membeli polisi hayat premium berkala memerlukan komitmen jangka panjang dan anda tidak digalakkan memegang polisi untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaannya adalah tinggi. Jika anda menamatkan polisi anda, anda mungkin memperoleh jumlah yang lebih kurang daripada jumlah yang telah dibayar.

Nota Penting

9. Pelan insurans ini tidak melindungi:

- a. Kematian akibat bunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman dalam tempoh 12 bulan dari tarikh dikeluarkan atau sebarang tarikh pengembalian semula, yang mana terkemudian.
- b. Manfaat Kematian akibat Kemalangan atau Manfaat Elaun Harian Penghospitalan akibat Kemalangan jika Orang yang Diinsuranskan mengalami kecederaan atau kehilangan yang berpunca daripada:
 - i. apa-apa kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman;
 - ii. apa jua penyakit atau jangkitan (melainkan jangkitan bakteria yang berlaku berkaitan dengan atau disebabkan oleh Kecederaan Anggota Badan akibat Kemalangan);
 - iii. mengambil racun, ubat yang tidak dipreskripsikan oleh Pengamal Perubatan, alkohol, sedatif, atau menyedut gas (melainkan bahaya berkaitan dengan pekerjaan);
 - iv. cubaan atau perbuatan serangan atau sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang oleh Orang yang Diinsuranskan;
 - v. berkhidmat dalam angkatan bersenjata pada masa perang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa berada di bawah perintah untuk operasi seperti perang atau membuat penangkapan sebagai pegawai undang-undang;
 - vi. terlibat dalam sebarang aktiviti udara melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang menggunakan perkhidmatan udara awam yang berlesen;
 - vii. kehamilan, melahirkan anak, keguguran atau apa-apa akibatnya;
 - viii. kecacatan atau lemah fizikal atau mental yang sedia ada;
 - ix. apa-apa tindakan disebabkan oleh mogok, rusuhan dan kekecohan awam;
 - x. apa-apa kecederaan, penyakit, sakit atau hilang upaya yang sedia ada atau berulang yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan sebelum Tarikh Dikeluarkan atau mana-mana tarikh pengembalian semula Polisi ini, mengikut yang mana terkemudian; atau
 - xi. terlibat dalam aktiviti berbahaya seperti bertinju, bermain ski, bergusti, terjun junam, mendaki gunung, menaiki turun, berakit di sungai, meredah jeram, apa jua bentuk perlumbaan selain berjalan kaki, atau apa-apa pertandingan menguji kelajuan atau ketahanan.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian serta terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

10. Risalah ini hanya mengandungi maklumat umum mengenai produk dan tidak mewakili polisi dalam apa jua cara sekalipun. Untuk penerangan terperinci tentang terma-terma dan syarat-syarat dan pengecualian produk ini, sila rujuk kepada lampiran penerangan produk, ilustrasi jualan dan polisi rasmi yang dikeluarkan oleh Kami.

Kami mempunyai pelbagai jenis pelan insurans untuk memenuhi keperluan kewangan anda pada setiap peringkat kehidupan yang berbeza:

PERLINDUNGAN
PERUBATAN
SIMPANAN
INSURANS BERKAITAN PELABURAN

Generali Life Insurance Malaysia Berhad
200601003992 (723739-W)

Generali Customer Service Centre
Level 1, Menara Generali, 27, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia

 www.generali.com.my

 1 300 13 2121 or +603 3007 2121

 1300 80 0020

 customer.service.life@generali.com.my

